

Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel *Badai Semalam* dan *Laila Azwa Gadisku* untuk Membangunkan Sahsiah Belia

Siti Khariah Binti Mohd Zubir

khariah@fbk.upsi.edu.my

Nur Aisyah Binti Abdullah

XXXXXXX

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Penulis kreatif adalah insan seni yang mempunyai ilham untuk menyusun buah fikiran untuk menghasilkan novel. Ilham ini ia memberikan dorongan kepada penulis untuk mula berkarya. Pemikiran pula adalah proses menggunakan akal fikiran atau minda untuk menghasilkan sesuatu perkara atau menyelesaikan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Objektif kajian ini, ialah mengenal pasti pemikiran penulis dalam karya Khadijah Hashim yang dapat membangunkan sahsiah belia dan menganalisis pemikiran penulis dalam karya dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Pengkaji mendapati bahawa keempat-empat pemikiran iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikian dan kekreatifan dalam Teori SPB4K ada diterapkan dalam karya yang dikaji dan diharap memberi nilai tambah terhadap mewujudkan kesedaran dalam diri belia dalam membangunkan sahsiah mereka.

Kata kunci penulis kreatif; pemikiran; membangunkan; sahsiah; belia

Abstract

Creative writers are artists who have the inspiration to put together ideas to produce novels. With this inspiration, it encourages writers to start creating the work. Thinking is a process of using the mind or the mind to produce something or solve the various aspects of human life. This study is about the creative woman writer thinking, namely Khadijah Hashim who compose her work to develop the personality of youth. The objective of this study are to; identify the writer's thinking to develop the personality of the youths and to analyze the writer's thinking by Integrated Thinking System Theory of 4K (SPB4K) to analyze the text. Researcher found that all the four thinking;

spiritual thinking, niche, scientific and creativity in SPB4K Theory were induced in the work studied. The result of this study is hoped to provide useful information and added values to create awareness in youths in developing their personalities.

Keywords creative writers; thinking; develop; personality; youth

Pengenalan

Pemikiran berasal daripada perkataan “fikir” atau *think*. Menerusi perkataan tersebut, lahir perkataan berfikir, memikir, terfikir, pemikiran dan pemikir. Mohd Yusof Hasan (2007:1) menjelaskan bahawa akal adalah bentuk fizikal, manakala minda pula adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Konsep pemikiran sering dikaitkan dengan konsep minda, yang menyatakan minda adalah anugerah Tuhan yang berkait rapat dengan pemikiran, ingatan dan emosi. Tambah beliau, pemikiran adalah sebahagian daripada proses minda yang berlaku dalam otak. Dapatlah disimpulkan bahawa, pemikiran merupakan proses menggunakan akal fikiran untuk menghasilkan sesuatu perkara atau penyelesaian dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

Pemikiran kreatif pula bermaksud menggunakan akal fikiran untuk menjana idea dan menghasilkan sesuatu yang baru atau sesuatu yang luar biasa sama ada maujud atau abstrak. Siti Khariah Mohd Zubir (2008:75) mentakrifkan bahawa pemikiran kreatif sebagai suatu pemikiran yang berkemampuan mencipta sesuatu yang baharu. Crow & Crow (1983:365) pula berpendapat, pemikiran kreatif melibatkan proses mental yang sama seperti yang berlaku dalam bentuk pemikiran yang lain, iaitu dalam pengalaman, pengaitan dan penyataan. Anggapan mental diterima, diingat kembali, digambarkan dan digunakan. Daripada proses tindak balas ini sering timbul penyataan dan penikmatan. Peringkat pemikiran kreatif meliputi fasa persediaan, masa, pemerapan dan celik akal.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji tentang pemikiran kreatif penulis wanita dalam membangunkan sahsiah belia. Penulisan kreatif merupakan bidang ilmu yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, sesuai dengan perubahan pemikiran manusia, teknologi dan gaya kreativiti manusia. Walau apa perubahan yang berlaku dalam bidang penulisan kreatif, sama ada dari segi teori dan praktik, hanya golongan penulis yang cekal, beriltizam dan serius sahaja yang akan

kekal terlibat sebagai penulis.

Pada era globalisasi ini, muncul nama penulis kreatif wanita yang aktif dalam penulisan kreatif. Penulis-penulis kreatif ini aktif berkarya dengan tujuan untuk menjana minda lantas menjadikan karya mereka sebagai sumber pendapatan. Siti Emly Nor Shafeena Mohd Sain (2013:3) menjelaskan bahawa penulisan kreatif ditulis berdasarkan suasana yang menarik perhatian dan tidak ditulis dengan gaya yang biasa-biasa sahaja. Oleh itu, penulisan kreatif bertujuan untuk menyatakan pemikiran, perasaan dan emosi berbanding dengan karya yang lain. Pengalaman menulis kreatif adalah sesuatu yang berharga dalam hidup kerana ia penuh dengan pengalaman, cerita suka duka yang boleh dikongsi bersama khlayak pembaca yang berminat membaca bahan-bahan penulisan yang kreatif.

Pengkaji berpendapat untuk menjadi seorang penulis kreatif wanita perlu mempunyai bakat, perlu mengalami banyak pengalaman, perlu menimba ilmu terutamanya daripada bahan-bahan dan perlu kepada disiplin diri yang baik. Tanpa disiplin yang baik penulis-penulis kreatif wanita tidak dapat menghasilkan karya yang bermutu. Penulisan kreatif merupakan bidang ilmu yang mesti disebut tidak kira penulis lelaki atau wanita. Penulis kreatif ialah bidang ilmu yang berkembang mengikut arus perkembangan zaman penulis kreatif wanita mampu memberikan sesuatu kepuasan kepada pembaca seiring dengan penulis kreatif lelaki. Penulis kreatif wanita mampu memberikan pembaca keupayaan yang maksimal, melihat dan merenungi kebenaran dan realiti secara lebih terperinci atau halus dan penuh kemesraan. Penulis kreatif wanita wujud dalam dunia penulisan sebagai cerminan untuk memperlihatkan pelbagai selok-belok *fil manusia* dalam pelbagai keadaan dan suasana. Penulis juga dapat menyampaikan buah fikiran, gelodak perasaan, daya imaginasi dan daya kreativiti melalui pengalamannya yang tersendiri dan bukan hanya melaporkan peristiwa atau berita.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih penulis kreatif wanita Khadijah Hashim yang dilihat ada membincangkan tentang sahsiah belia sama ada positif atau negatif secara langsung atau tidak langsung. Masalah sahsiah bukannya satu masalah yang remeh tetapi mesti dipandang berat dan harus diselesaikan demi membangunkan negara. Belia merupakan golongan yang telah mencapai usia baligh. Golongan remaja adalah golongan belia dan beliawanis yang berada dalam lingkungan umur antara 11 hingga 26 tahun. Peringkat akhir alam belia boleh berpandu

kepada usia nabi yang berusia empat puluh tahun apabila baginda dilantik menjadi Rasulullah. Berdasarkan skop di Malaysia, Junaidi Awang Besar *et al.* (2012:138) mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Azizan Bahri (1995) pula berpendapat bahawa lingkungan umur antara 13 hingga 30 tahun amat sesuai dipanggil belia. Perbezaan pendapat mengenai takrif belia ini besar berkemungkinan faktor daripada suasana persekitaran tumbesaran individu tersebut.

Golongan belia dilihat sebagai individu yang perlu menempuh pelbagai dugaan dan cabaran dalam menongkah arus kehidupan. Oleh sebab itu, ramai penulis kreatif yang berminat untuk menghasilkan karya yang berkisar kehidupan belia khususnya yang menyentuh sahsiah belia. Pada hakikatnya, kisah sebegini digemari oleh khalayak pembaca memandangkan seolah-olah ia berhubung kait dengan kehidupan seharian mereka. Dalam kajian ini pengkaji memilih untuk menelusuri pemikiran Khadijah Hashim dalam novelnya *Badai Semalam* (1968), dan *Laila Azwa Gadisku* (1986) bagi membangunkan sahsiah belia dengan perspektif Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif, iaitu kaedah pengumpulan data atau bukti yang membentuk hujah. Kajian ini didahulukan secara deskriptif dengan menerapkan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan. Kaedah kepustakaan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang sesuai serta diperlukan menerusi buku, jurnal, kertas kerja, majalah, tesis, rencana, makalah, akhbar dan penulisan ilmiah. Kaedah ini dapat membantu pengkaji mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat-maklumat tertentu untuk dijadikan perbincangan dan bahan untuk dianalisis.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti pemikiran penulis dalam membangunkan sahsiah belia dalam karya yang dipilih.
2. Menganalisis pemikiran penulis dalam karyanya untuk membangunkan sahsiah belia.

Sorotan Literatur

Koh Young Hun (1993) dalam tesisnya pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang bertajuk “*Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya*” dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur memperlihatkan pemikiran Pramoedya dalam *Tetralogi Bumi Manusia* yang mengambil bentuk novel sejarah untuk memaparkan pemikiran pengarang berdasarkan kepada faktor-faktor sejarah zaman lampau negaranya. Pramoedya mendedahkan di dalam karya bahawa adalah lebih penting untuk memperjelaskan dan menghidupkan fakta sejarah agar tidak lalut ditelan zaman. Batasan kajian ini meliputi ruang lingkup pemikirannya terhadap masalah-masalah berkenaan masa depan bangsa, dengan lontaran wawasan bernes berkenaan sejarah bangsa Indonesia.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Hashim Ismail tentang “*Pemikiran Kaum Muda dalam Novel-Novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*”. Tesis Doktor Falsafah ini telah disiapkan pada tahun 2003 di Universiti Malaya. Kajian ini menjurus kepada kajian perkembangan kaum muda yang terdapat dalam novel-novel Melayu sebelum perang dunia kedua. Kaum muda dilihat berpegang kepada ideologi yang diasaskan oleh gerakan Islah Jamaludin al-Afghari Muhamad Abduh dan Muhammad Rashid Rida di Mesir. Kajian ini berdasarkan hipotesis bahawa terdapat satu gerakan penulis yang tidak diorganisasikan tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam dunia penulisan novel Melayu sekitar zaman sebelum perang dunia kedua. Kajian ini dijalankan untuk melihat bentuk-bentuk pemikiran kaum muda yang disokong oleh Syed Sheikh Al-Hadi.

Masrizayu Mustafa (2006) dalam kajiannya yang bertajuk “Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim” mendapati bahawa kajian yang dijalankan merangkumi aspek sosiobudaya, sosiopolitik, dan sosioekonomi. Pengkaji telah menganalisis 10 buah novel Khadijah Hashim dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Aspek-aspek ini diteliti oleh pengkaji untuk melihat perkaitan pemikiran penulis dengan masyarakat.

Metodologi Kajian

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu pada awalnya dikenali sebagai

teori SPB4L diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan seorang tokoh pemikir dan sarjana dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran. Kesepaduan ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi kemahiran dan amalan dalam kehidupan sehari-hari. Beliau menyatakan bahawa pemikiran yang perlu disepakat itu ialah pemikiran kerohanian, kbeitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbang balik dan bukannya secara berasingan. (Mohd Yusof Hasan, 2007:1-33).

Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Ia berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran ini juga menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia dan turut dianggap sebagai pemikiran keimanan. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihatkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal, iaitu manusia sebagai hamba sekaligus sebagai Khalifah yang berhubungan terus dengan Allah. Manakala hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.


Menurut Mohd Yusof Hasan (2007:15), pemikiran kbeitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ia mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh yang demikian, penggunaan pemikiran kbeitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan haruslah ceria positif, kreatif dan soleh. Hal ini bertujuan supaya watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya dapat ditonjolkan dari segi peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan menjadi tauladan kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik

ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Oleh yang demikian, melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran kekreatifan pula merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Melalui pemikiran lateral, terdapat teknik-teknik untuk mengenali pemikiran kreatif, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Individu juga dapat mempelajari satu pendekatan sistematik untuk mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan. Dalam kaitannya dengan penghasilan sesebuah karya, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran lateral, seharusnya menampilkan teknik penceritan yang kreatif dan bermutu tinggi.

Keempat-empat jenis pemikiran dalam teori ini dapat digambarkan seperti berikut;



Rajah 1 Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2007: 149)

Teori ini percaya bahawa sebuah masyarakat yang memiliki sifat pemikiran yang berteraskan 4K mampu melahirkan pengarang dan karya yang bersifat sepadu dan komprehensif sesuai dengan keperluan asasi jasmani, empat perkara yang saling berkait rapat antara satu sama lain, iaitu masyarakat, pengarang, karya dan pembaca. Keempat-empat perkara ini memiliki kesepaduan empat pemikiran yang sama.

Dapatlah dirumuskan bahawa, teori SPB4K ini mementingkan suatu rumusan yang bersifat holistik dengan menekankan seluruh keupayaan dalaman dan luaran seseorang manusia. Sekiranya para belia dapat mengaplikasikan teori SPB4K dalam kehidupan sehari-hari mereka, mereka akan berusaha dan bersedia mendepani cabaran peralihan zaman. Belia yang kreatif dan inovatif memiliki sifat positif terhadap sebarang kemungkinan baru dalam kehidupan dan persekitarannya. Sikap yang positif akan mendorong belia berwatak inovatif, berfikiran kritis, kreatif dan bersikap suka membuat penambahbaikan menerusi kelainan dengan memanfaatkan segala ruang dan peluang di sekeliling mereka.

Analisis Pemikiran Khadijah Hashim dalam Karya untuk Membangunkan Sahsiah Belia

Kehadiran Khadijah Hashim dalam arena Kesusasteraan di Malaysia dapat diakui pentingnya. Tidak keterlaluan jika Khadijah Hashim dikatakan sebagai seorang pengarang wanita yang prolifit dalam perkembangan Kesusasteraan Melayu. Khadijah telah memperlihatkan kekuatan daya kreatif yang sentiasa berkembang dan bersifat penerokaan. Proses penciptaan karya kreatifnya diadun dengan pelbagai pengalaman yang diperoleh secara tidak langsung melalui hubungan kekeluargaan, pendidikan, pembacaan, pengamalan dan kerjayanya.

Kajian ini dijalankan untuk melihat bagaimana Khadijah Hashim dapat mengupas tentang pembangunan sahsiah belia dalam karyanya seperti novel *Badai Semalam* (1968) dan *Laila Azwa Gadisku* (1986). Khadijah cuba mengaplikasikan pengalaman yang diperoleh dalam kehidupan sehari-hari menerusi karyanya. Sastera bukan semata-mata untuk dinikmati keindahan bahasanya sehingga menimbulkan rasa simpati, kagum dan taksub kepada karya itu, tetapi isi kandungnya buat golongan belia adalah lebih luas dan berfaedah kepada diri, masyarakat dan negara terutama dalam melahirkan insan yang baik dari aspek intelek dan akhlak. Unsur-unsur intelek dalam karya penting sebagai bahan untuk golongan belia mendapatkan pendidikan bagi membangunkan negara. Fikiran-fikiran yang ditimbulkan oleh pengarang, terutamanya aspek-aspek yang berhubung dengan kerohanian, kebitaran, kesaintifikian dan kekreatifan menurut perspektif Teori SPB4K dalam usaha membangunkan sahsiah belia dari segi kemasyarakatan, ekonomi dan politik dapat dijadikan bahan didikan dan teladan kepada golongan belia.

Pemikiran Kerohanian

Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah manusia soleh atau solehah. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007:34), pemikiran ini berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, ketauhidan, keagamaan dan keesaan Tuhan. Beliau turut menyatakan bahawa pemikiran kerohanian ini juga merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Pemikiran ini

juga bersifat tinggi martabatnya, dan berkait rapat dengan unsur-unsur ghaib. Pemikiran yang terkandung dalam penulisan kreatif novel yang dikaji jika ditinjau dan dianalisis dari aspek kerohanian sememangnya banyak. Kebiasaannya, ia terpapar menerusi peristiwa yang berlaku dalam karya. Selain itu, ia juga dapat ditinjau menerusi watak yang digambarkan oleh penulis kreatif yang dikaji. Pengkaji telah menemui beberapa nilai yang didapati di dalam penulisan kreatif Khadijah Hashim memiliki perkaitan dengan pemikiran kerohanian di dalam Teori SPB4K ini yang seterusnya mampu menjadi penggerak dalam membangunkan sahsiah belia. Dalam *Badai Semalam* (1968) dan *Laila Azwa Gadisku* (1986), pengkaji mendapati Khadijah memaparkan ciri pemikiran kerohanian, iaitu tanggungjawab kepada Allah dan kesabaran.

Kata tanggungjawab didefinisikan sebagai kewajipan yang harus dilaksanakan oleh semua orang tidak kira lelaki atau wanita mengikut fungsi kejadiannya. Tanggungjawab juga ditakrifkan sebagai tugas atau perkara yang perlu dilakukan oleh individu yang sudah dibebankan syarak dan agama kepadanya. Hubungan Allah dengan manusia merupakan hubungan dari aspek *hablumminallah*. Allah sebagai pencipta dan manusia menjalankan kewajipan sebagai khalifah dan hambanya. Konteks ibadat menjadi fokus utama dalam hal ini. Abdul Rahman Mohd. Aroff (1999:76) menjelaskan bahawa ibadah yang dilakukan dengan ikhlas dan sempurna membentuk sahsiah yang mulia dan beroleh pahala daripada Allah SWT.

Belia dilihat sebagai golongan yang penting dalam sesebuah negara dan adalah penentu masa depan sesebuah masyarakat dan negara. Pentingnya belia bukan hanya terletak kepada bilangan mereka yang ramai dan sebagai tenaga utama dalam proses pembangunan dan pembinaan satu bangsa Malaysia sahaja tetapi juga turut bergantung kepada golongan belia yang aktif, berdisiplin dan progresif serta bertanggungjawab. Pengkaji menghususkan kajian ini terhadap golongan belia, yang seharusnya berusaha menjadikan penulisan kreatif yang dihasilkan oleh penulis kreatif sebagai penggerak untuk merealisasikan matlamat sebenar penciptaan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini dan seterusnya, menjadikan konsep *hablumminallah* sebagai amalan dalam menjalani kehidupan sehari-hari agar dapat meningkatkan sahsiah mereka dalam menjadi insan yang bertanggungjawab terhadap agama. Penulis kreatif Khadijah Hashim diyakini berfikiran dalam membangunkan sahsiah belia. Watak-watak belia yang didapati terlibat dalam mengamalkan nilai tanggungjawab *hablumminallah* dan berhubung kait dengan kajian pemikiran

kerohanian berlandaskan Teori SPB4K ialah Laila Azwa, dalam novel *Laila Azwa Gadisku* (1986). Rasulullah SAW bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh *Al-Bukhari dan Muslim*, maksudnya;

“Islam itu terbina atas lima perkara; iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, iaitu tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu adalah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa pada bulan Ramadhan.”

(Mohd. Gunawan Che Ab Aziz, 2003: 10)

Pengkaji mendapati bahawa aspek tanggungjawab manusia yang menjaga hubungan dengan Allah dengan bersolat dapat dilihat dalam watak Laila Azwa dalam novel, *Laila Azwa Gadisku* (1986). Solat merupakan tiang agama. Agama Islam telah menentukan hala tuju yang perlu dimainkan oleh individu dan masyarakat agar dapat membentuk insan yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi. Penulis kreatif Khadijah Hashim didapati ada memaparkan watak belia bernama Laila Azwa yang menjaga hubungannya dengan Allah dalam karyanya, *Laila Azwa Gadisku* (1986) menerusi solat.

Pengkaji mendapati bahawa Laila Azwa merupakan seorang belia beriman dan solehah, malah menepati pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K, seperti yang dijelaskan oleh Mohd Yusof Hasan (2007:34) pemikiran kerohanian merupakan fikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah manusia soleh atau solehah. Laila Azwa merupakan seorang belia yang patuh dalam melaksanakan kewajipannya terhadap Allah, iaitu dengan mengerjakan solat meskipun dirinya pada ketika itu sedang berada jauh daripada pangkuhan keluarganya. Sabda Rasulullah S.A.W. dalam hadith yang diriwayatkan *Imam Ahmad dan Muslim*, maksudnya;

(Pembeza) antara iman (seseorang) dan kufurnya (seseorang) ialah meninggalkan solat!

(Mohd. Gunawan Che Ab Aziz, 2003: 13)

Seterusnya, pengkaji turut menemui konsep sabar ada dipaparkan penulis kreatif menerusi watak belia dalam karya beliau. Secara harafiah, sabar berasal daripada kata *shabara-yashbiru-shabran* yang membawa makna menahan atau mengekang (2007:125). Sabar adalah menahan diri dari bersikap, berbicara dan bertingkah laku yang tidak

dibenarkan oleh Allah SWT dalam berbagai-bagai keadaan yang sulit, sukar dan mencemaskan. Sabar juga bermaksud ketabahan dalam menerima suatu kesulitan dan kepahitan, baik secara jasmani seperti menanggung beban dengan badan berupa beratnya sesuatu pekerjaan, sakit dan sebagainya, juga sabar secara rohani, iaitu menahan keinginan yang tidak benar (2007:125).

Satu kenyataan bahawa hidup manusia di dunia ini akan selalu berhadapan dengan situasi adakala bahagia dan adakala sengsara. Hidup ini ibarat putaran roda. Yang paling penting ialah bagaimana tindakan manusia dalam menghadapinya dan menerima situasi tersebut. Belia harus menerapkan sikap sabar kerana ia sesuatu yang amat penting untuk dimiliki oleh setiap individu muslim. Ujian Allah dan cabaran yang mendatang haruslah dihadapi penuh kesabaran. Firman Allah SWT tentang keburukan dan kebaikan dalam kaitannya dengan kesabaran, dinyatakan dalam surah *Al-Anbiya* ayat 35 seperti maksud berikut;

“Setiap yang berjiwa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan.”

(Al-Quran, 2007: 324)

Menerusi ayat tersebut, Allah SWT menyatakan bahawa kebaikan dan keburukan yang menimpa seseorang adalah ujian. Allah memberikan dugaan baik dengan kemuliaan dan kesenangan ataupun kesempitan rezeki. Berdasarkan ayat juga dinyatakan bahawa kematian adalah salah satu ujian. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, ujian itu boleh berupa dengan segala macam, boleh berupa musibah atau kecelakaan tetapi boleh juga berupa kesenangan.

Menerusi novel *Badai Semalam* (1968), Khadijah Hashim memperkenalkan seorang watak bernama Mazni yang dilihat memiliki sikap sabar dan tabah ini. Dalam hal ini, perjuangan dalam menuntut ilmu juga adalah tidak terkecuali dalam konsep kesabaran dan ketabahan yang dikaji oleh pengkaji ini. Kesabaran Mazni jelas terpancar menerusi ketekadan dirinya yang berazam bahawa dia harus menerima kekalahan sebagai satu pendorong ke arah kemajuan dan sebagai pengajaran dalam menempuh hari mendatang. Sebagai seorang belia, sikap Mazni yang dianggap pengkaji sebagai individu yang sabar dan tidak berputus asa dalam menuntut ilmu ini wajar dijadikan sebagai contoh untuk menjadikan belia agar lebih berusaha

menimba ilmu dan bersahsiah cemerlang menempuh cabaran akan datang.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa ini sangat bertepatan dengan pemikiran kerohanian yang terkandung dalam Teori SPB4K yang mementingkan perjuangan menuntut ilmu yang dianggap sebagai jihad. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007:34), pemikiran ini berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, ketauhidan, keagamaan dan keesaan Tuhan. Pengkaji berpendapat sedemikian kerana menuntut ilmu itu hukumnya adalah fardhu kifayah, iaitu fardhu yang sangat-sangat dituntut dalam Islam. Berdosa atas seluruh umat Islam itu sekiranya tiada golongan yang menuntut ilmu. Oleh hal demikian, sabar dalam perjuangan menuntut ilmu ini juga merupakan salah satu contoh pemikiran kerohanian yang dipercayai mampu membangunkan sahsiah belia yang beriman dan mementingkan ilmu sekiranya ia disemaikan dalam kehidupan. Contoh petikannya;

“Aku mesti menerima kekalahan ini sebagai pendorong yang besar untuk terus ke jalan kemajuan dan menjadi pengajaran dalam menempuh hidup di hari esok,” tekad Mazni lagi. Mazni bernyawa kini.

(Khadijah Hashim, 1968:50)

Sikap sabar seterusnya dipaparkan secara kreatif oleh Khadijah Hashim menerusi watak Adnan dalam novel *Laila Azwa Gadisku* (1986). Adnan percaya pada ketentuan Allah berkaitan urusan jodohnya dengan Laila Azwa, malah dirinya bersikap sabar dan yakin dengan ketentuan-Nya, seperti mana maksud firman Allah dalam surah *Adz-Zaariyat* ayat 49 berikut;

“Dan segala sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingat akan kebesaran Allah.”

(Al-Quran, 2007: 522)

Berdasarkan ketetapan Allah yang umum ini, manusia secara fitrahnya diciptakan secara berpasang-pasangan, terdiri daripada jenis laki-laki dan perempuan, sehingga kehidupan manusia dapat berlangsung dan berkembang. Begitu pula dijadikan daya tarikan

antara satu jenis dengan jenis lain, sebagai fitrah Allah untuk manusia. Maka, kita haruslah percaya dan bersabar bahawa memang tercipta satu jodoh oleh Allah, khusus buat kita. Mohd Yusof Hasan (2007:34) menjelaskan bahawa pemikiran kerohanian ini berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, dan keesaan Tuhan. Hal ini jelas tergambar menerusi sikap sabar Adnan yang menyerahkan urusan jodoh kepada Tuhan. Adnan percaya akan kebesaran Tuhan meskipun pada waktunya tersebut, dia masih belum dapat mencari Laila Azwa. Ia dibuktikan menerusi petikan di bawah ini;

Kalau jodoh tidak akan ke mana! Madah keramat itu bermain-main di kepala. Dan itulah penawar hati yang menguatkan azam untuk hidup terus. Kuala Lumpur ini kecil, di suatu masa akan bertemu juga, bisiknya.

(Khadijah Hashim, 1968:50)

Pemikiran Kebitaraan

Pemikiran kebitaraan menurut Mohd Yusof Hasan (2000:30-31), merupakan satu cabang ilmu pengetahuan tentang kehebatan akal manusia. Bagi pemikiran ini, sesebuah karya harus menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Kebijaksanaan dan kebitaraan yang diperoleh adalah berasaskan ilmu. Ia khusus bagi satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, kepentingannya berfokus terhadap asas kekeluargaan yang bermula daripada aspek perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, melahirkan, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Howard Gardner (1983) menganjurkan konsep *Multiple Intelligence (MI)* atau konsep kecerdasan pelbagai yang melihat kebijaksanaan manusia daripada pelbagai perspektif budaya, bahasa dan pemikiran tamadun manusia.

Dalam ajaran Islam, manusia merupakan makhluk yang dimuliakan oleh Allah di muka bumi ini dibandingkan dengan makhluk lain. Kemuliaan ini bukan sahaja dapat dilihat menerusi aspek penciptaan-Nya sahaja malahan status dan peranan manusia juga ternyata lebih istimewa dan mulia daripada makhluk Tuhan yang lain. Kelebihan manusia ini didapati dengan pengurniaan akal fikiran kepada manusia berbanding makhluk lain yang Allah ciptakan. Manusia dikurniakan

dengan akal fikiran yang menjadikan kita sebagai makhluk yang tinggi tarafnya di sisi Tuhan, mampu berfikir dengan bijaksana, mampu bertindak cemerlang, cerdik, beradab dan berhemah tinggi dalam perlakuan. Oleh hal demikian, adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk berusaha meningkatkan kecemerlangan diri dengan menimba ilmu.

Ilmu berasal dari perkataan Arab *Alima* yang bererti mengetahui atau perbuatan yang bertujuan untuk mengetahui tentang sesuatu dengan sebenarnya. Ilmu dari segi istilah ialah segala pengetahuan atau kebenaran tentang sesuatu yang datang dari Allah SWT yang diturunkan kepada Rasul-rasulnya dan alam ciptaannya termasuk manusia yang memiliki aspek lahiriah dan batiniah. Sebagai seorang Islam, menuntut ilmu adalah fardhu kifayah, iaitu merupakan kewajipan yang sangat dituntut di dalam agama Islam. Ilmu merupakan teras dalam sistem agama Islam dan menduduki tempat yang tertinggi. Penekanan kepada ilmu dalam ajaran Islam jelas terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah dalam al-Quran surah Al-Mujadilah ayat 11 yang bermaksud;

“Allah mengangkat beberapa darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan.”

(Al-Quran, 2007: 543)

Ayat ini menyatakan taraf insan yang berilmu adalah tinggi di sisi-Nya. Ilmu pengetahuan merupakan prasyarat terpenting bagi pembangunan bangsa yang kuat dan dihormati. Setiap perkara di dunia ini mestilah disandarkan kepada ilmu seperti iman dan perkara keagamaan, ekonomi, politik, sosial, perpaduan dan sebagainya. Konsep pemikiran kebitaraan yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan (2000) dalam Teori SPB4K ini dilihat sejajar dengan konsep Teori Kecerdasan Pelbagai atau *Multiple Intelligence* (MI) yang dikemukakan oleh Howard Gardner (1983), menyentuh kebolehan interpersonal individu.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), bitara didefinisikan sebagai tiada taranya dan hanya satu-satunya. Kebolehan interpersonal merujuk kepada hubungan individu dengan individu lain dan kemampuan beramah mesra dengan individu lain tersebut dengan bijaknya. Pengkaji mendapati pemikiran kebitaraan dalam SPB4K

ini dapat dilihat menerusi watak-watak yang dipaparkan oleh penulis kreatif, di mana watak-watak tersebut digambarkan sebagai seorang yang bijak menangani permasalahan yang dihadapi oleh dirinya mahupun individu lain yang berada di sekelilingnya. Antara watak-watak belia digambarkan memiliki pemikiran kebitaraan adalah Mazni, Adnan, dan Ani Zaini.

Dalam konteks mengkaji pemikiran kebitaraan yang mampu membangunkan sahsiah belia ini, pengkaji memperkenalkan seorang watak belia wanita bernama Mazni dalam novel *Badai Semalam* (1968). Pengkaji mendapat bahawa Khadijah berjaya memaparkan watak Mazni sebagai seorang belia yang berusaha ke arah kecemerlangan diri dalam bidang keintelektualan namun pada masa yang sama, dirinya harus berusaha menyelesaikan permasalahan dalam membantu keluarganya, iaitu ibunya. Kebijaksanaan seorang wanita belia bernama Mazni yang digambarkan Khadijah Hashim dalam menyelesaikan konflik hidup yang dihadapi, terutama dalam aspek menuntut ilmu dan membantu keluarga telah sedikit sebanyak menarik perhatian pengkaji untuk dijadikan sebagai sumber inspirasi dalam membangunkan belia yang bersahsiah cemerlang dan bijaksana.

Pengkaji mendapat bahawa ciri pemikiran kebitaraan dalam Teori SPB4K didapati selari dengan watak belia bernama Mazni. Pengkaji berpendapat sedemikian kerana Mazni digambarkan sebagai belia yang amat mementingkan pendidikan meskipun pada saat tertentu, terpaksa menangguhkan hasrat untuk belajar ke universiti dalam bidang yang dicitanya. Ketekadan dalam hati dan juga janji yang pernah dibuat kepada Zaki, teman baiknya tetap utuh tersemat walaupun dirinya harus bekerja terlebih dahulu demi melunaskan tanggungjawab sebagai anak yang berbakti dan berbudi kepada ibunya.

Bagi pemikiran lahir, sesebuah karya harus menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan tokoh-tokoh harus ceria, positif, kreatif dan soleh. (Mohd Yusof Hasan, 2000: 30-31). Mazni terpaksa mencari nafkah bagi menanggung kos rawatan ibunya yang sakit namun, cita-citanya ke universiti tidak pernah dilupakan. Watak Mazni ternyata dapat ditonjolkan oleh penulis kreatif Khadijah Hashim dari segi peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan menjadi pengajaran kepada khalayak pembaca yang seterusnya mampu dijadikan contoh untuk membangunkan sahsiah belia. Kebijaksanaan Mazni dalam mengatur hidup, kebitaraan dirinya dalam menyelesaikan permasalahan hidup yang dihadapi wajar dijadikan contoh dan iktibar buat belia masa kini.

Hal ini mendorong agar belia memikirkan berkenaan perihal pentingnya ilmu dalam proses kehidupan manusia namun dalam masa yang sama, turut mementingkan keluarga dalam kehidupan, yang mendorong seseorang berusaha dengan lebih gigih demi meningkatkan kecemerlangan diri. Lantas, aspek inilah mampu dijadikan agen dalam membangunkan sahsiah belia yang bijaksana menyelesaikan konflik diri pada masa hadapan. Malah, hal inilah yang secara tidak langsungnya memiliki perkaitan dalam pemikiran kebitaraan yang dikaji oleh pengkaji menurut perspektif Teori SPB4K, pemikiran kebitaraan yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan ini. Contoh petikan yang menggambarkan bahawa diri Mazni ini amat mementingkan kebijaksanaan dalam kehidupannya adalah seperti;

Cita-citanya untuk belajar ke universiti terpaksa dibatalkan. Terpaksa! Apa boleh buat, keluhnya sendiri. Dia terpaksa melupakan buat sementara. Tapi hati kecilnya tetap teguh dengan janjinya. Janji yang sudah dipadukan bersama Zaki teman baiknya. Bahawa dia akan terus sama ke universiti menuntut ilmu perubatan seperti Zaki, kawan baik yang selalu menggalakkannya untuk mencapai cita-cita tinggi itu. Ya, aku ke universiti di suatu hari nanti, katanya dalam hati. Tekad itu selalu diulang-ulangkannya. Tapi bila??? Ya, bila? dia bertanya sendiri. Tidak dapat dia menjawabnya. Hatinya hancur berderai!

(Khadijah Hashim, 1968:13)

Seterusnya, pengkaji mengemukakan sebuah petikan lagi sebagai bukti bahawa diri Mazni tampil sebagai individu yang cemerlang dan berpemikiran bitara menerusi petikan seterusnya dalam monolog Mazni, dirinya berjanji bahawa dia tidak akan mengabaikan pelajarannya malah, perbuatannya yang membaca buku seperti yang terkandung dalam petikan membuktikan bahawa belia ini adalah menepati ciri pemikiran kebitaraan dalam Teori SPB4K yang digagaskan oleh Mohd. Yusof Hasan, yang mementingkan konsep kebijaksanaan dan kecemerlangan diri tokoh dalam karya *Badai Semalam* (1968) hasil nukilan penulis kreatif Khadijah Hashim ini. Hal ini didapati menerusi petikan berikut;

Zaki...! Keluhnya sendiri. Janjiku padamu akan ku tunaikan. Aku tidak harus cuai dalam pelajaranku. Tidak! Mazni cuba melupakan segala peristiwa yang merunsingkan hatinya sejak akhir-akhir

ini dengan membaca buku tebak Zaki, teman baiknya yang selalu memberikan nyawa dalam pelajarannya. Tapi sayang!

(Khadijah Hashim, 1968:104)

Selanjutnya, pengkaji turut mendapati bahawa Khadijah Hashim turut memperkenalkan seorang lagi watak berciri pemikiran kebitaraan bernama Adnan dalam karyanya, *Laila Azwa Gadisku* (1986). Adnan digambarkan sebagai belia yang amat bijaksana dalam mengatur perancangan dan strategi bagi memperbesarkan perniagaannya bersama-sama dengan rakannya, iaitu Aman dan Hadi. Pada permulaannya, Adnan bersama-sama rakannya hanya membuka sebuah gerai makanan secara kecil-kecilan sahaja. Memandangkan Laila Azwa merupakan seorang yang berketurunan berada manakala dirinya pula hanyalah sebagai peniaga biasa, bapa Laila Azwa didapati seolah-olah memperlekehkan serta memperkecilkan keupayaannya dalam usaha menjalankan tanggungjawab yang lebih besar lagi, iaitu dalam menyunting Laila Azwa menjadi suri hidupnya. Buktinya dilihat sewaktu monolognya dalam petikan berikut;

Serta merta dia bertanya dia bertanya sendiri: Cukupkah aku dengan gerai sebuah ini? Laila Azwa anak orang berada, mahukah ibu bapanya menerima aku sebagai menantu? Betul kata Hadi dulu: Cermin muka tu dulu sebelum nak memikat anak dara orang.

(Khadijah Hashim, 1968:48)

Adnan sedar bahawa dia perlu membuat suatu anjakan paradigma bagi membuktikan bahawa dirinya mampu meningkatkan taraf kehidupan lalu berupaya menyara keluarga dan memberi keselesaan terhadap diri Laila Azwa. Bagi tujuan itu, Adnan telah bertindak keluar sehari-hari bagi mencari kedai yang boleh disewa untuk dijadikan sebagai tapak restoran baharunya. Pengkaji secara langsungnya mendapati bahawa watak Adnan adalah menepati ciri pemikiran kebitaraan yang diperkenalkan Mohd. Yusof Hasan. Menurut beliau (2000:30-31), dalam pemikiran lahir, sesebuah karya harus menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Pemikiran kebitaraan yang ditonjolkan oleh Adnan ini wajar dijadikan ikutan belia agar berusaha dalam membuat perancangan memajukan diri, mengambil risiko dan cabaran untuk lebih berjaya dalam kehidupan.

Petikan di bawah diturunkan adalah sebagai buktinya;

Kehilangan Adnan selama tanpa pesan amat membimbangkan rakan-rakannya. Jam hampir pukul tiga petang barulah Adnan muncul. Rupa-rupanya dia bertindak mencari kedai yang mahu disewakan kerana merancang untuk dijadikan restoran mereka bekerja.

“Apa yang membuat kau bertindak mencari restoran, Nan?” tanya Hadi serius. Aman seperti tidak sabar menunggu jawapan Adnan.

“Aku sambut cabaran kamu berdua. Wang ringgit jadi kiraan. Jadi sepanjang hari ini aku berjalan mencari kedai yang mahu disewakan untuk dijadikan restoran kita.”

(Khadijah Hashim, 1968:49)

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa seorang lagi watak yang dilihat menepati ciri pemikiran kebitaraan yang terangkum dalam Teori SPB4K ini dipamerkan oleh watak Ani Zaini. Ani Zaini, diperkenalkan Khadijah Hashim sebagai kakak kedua kepada Laila Azwa, digambarkan sebagai seorang watak yang berjaya, mementingkan kecemerlangan dengan mengambil peluang untuk menceburkan diri dalam bidang persolekan, malah berjaya menjadi seorang ahli perniagaan wanita yang terkenal. Malah, sewaktu ibunya mengajak Ani Zaini untuk menghadiri kenduri saudara mereka di Kedah, dirinya tidak dapat memenuhi undangan tersebut memandangkan perlu menghadiri sebuah seminar persolekan antarabangsa. Individu yang berciri pemikiran kebitaraan sentiasa dahaga akan ilmu. Meskipun dirinya telah berjaya menjadi seorang usahawan terkenal dalam bidang persolekan, namun sikapnya yang masih ingin mendalami bidang ilmu dengan pergi menghadiri seminar tersebut membuktikan betapa dirinya adalah menepati pemikiran kebitaraan dalam Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan ini. Hal inilah yang perlu dijadikan model contoh bagi belia masa kini yang berupaya membangunkan sahsiah kecemerlangan dalam diri. Buktinya diturunkan seperti petikan berikut;

Ani Zaini tidak boleh pergi kerana ada seminar persolekan antarabangsa yang mahu dihadiri. Laila Azwa pula lebih suka di rumah berlatih main biola, katanya.

(Khadijah Hashim, 1968:8)

Pemikiran Kesaintifikan

Pemikiran kesaintifikan ini merujuk kepada pemikiran yang bersifat logik, objektif, saintifik, berfakta, berangka, tersurat, konkrit yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Pemikiran ini adalah sesuatu yang logik, memiliki kebenaran, kepastian, ketepatan dan kesahihan. Pemikiran ini juga adalah pemikiran kepastian yang membawa ke arah manusia saintifik. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan, pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Mengikut Irving M. Copi (1986), pemikiran logik adalah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti jelas dan konkrit. Malah, Hulon Willis (1975) menyatakan bahawa ilmu logik atau pemikiran kesaintifikan merupakan sains penaakulan atau *the science of reasoning*.

Secara umumnya, logik ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ternyata mampu membantu kita melahirkan pemikiran yang jelas untuk penulisan atau pertuturan yang jelas. Oleh hal yang demikian, melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang realistik atau benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Roger Sperry (1981), menjelaskan bahawa otak kiri banyak dikaitkan dengan fungsi akademik yang terdiri daripada kemampuan bercakap, kemampuan berbahasa, membaca tulisan, logik, angka, analisis dan lain-lainnya. Normalnya, ia diidentifikasi dengan kecerdasan analitik atau intelek. Maksudnya, otak kiri banyak berkait dengan kemampuan matematik, analisis dan kemampuan berfikir secara sistematik. Cara kerja otak ini sangat rapi, dan terstruktur malah tersusun. Biasanya, otak kiri ini sangat bermanfaat digunakan untuk memahami hal-hal yang kompleks dan perlu pemikiran yang mengkhusus.

Pengkaji mendapat bahawa beberapa penulis kreatif ternyata telah

menerapkan ciri pemikiran kesaintifikan di dalam penulisan menerusi watak belia dalam karya mereka dan hal ini yang seterusnya berupaya digunakan sebagai asas dalam usaha meningkatkan sahsiah belia. Antara pemikiran kesaintifikan yang telah diketengahkan oleh penulis kreatif dalam novel mereka dilihat dari segi kemampuan berbahasa, menerangkan secara deskriptif dan mengira yang dipamerkan oleh watak-watak belia dalam karya yang dikaji. Hal ini amat penting dalam pembangunan minda individu belia itu sendiri kerana pemikiran ini membawa individu untuk berfikir secara saintifik, benar dan logik.

Rasional dalam Menjalankan Tugas sebagai Anak

Tanggungjawab pertama ialah kepada ibu bapa. Hal ini juga ada dijelaskan di dalam al-Quran sebagaimana ayat 23 dalam surah *Al-Isra'* yang bermaksud;

“Dan Tuhanmu memerintahkan supaya engkau tidak menyembah selain Dia semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.”

(Al-Quran, 2007: 284)

Khadijah Hashim ada memaparkan watak Mazni dalam novelnya *Badai Semalam* (1968) yang merupakan seorang watak belia yang mempamerkan nilai rasionalnya yang tinggi terhadap melaksanakan tugas sebagai anak yang berpemikiran saintifik. Sebagai seorang anak, Mazni mempunyai tanggungjawab terhadap ibunya yang sedang sakit dan tidak mampu bekerja. Jadi, tanggungjawab menanggung keluarga terpaksa diambil alih oleh Mazni. Dia memikul tanggungjawab untuk mencari nafkah hidup mereka dua beranak. Menerusi pertolongan yang diberikan oleh Encik Haris, bekas majikan ibu Mazni, maka dirinya diterima bekerja sebagai kerani di Bank Bumiputera.

Mazni digambarkan sebagai seorang anak yang mementingkan kesihatan ibunya. Dia ingin membahagiakan ibunya sebelum ibunya menutup mata. Khadijah Hashim berjaya memaparkan watak Mazni sebagai seorang belia yang bertanggungjawab mengambil alih tugas ibunya sebagai pencari nafkah keluarga dan hal ini menunjukkan bahawa sikap Mazni ini adalah menepati konsep pemikiran kesaintifikan dalam Teori SPB4K yang diperkenalkan oleh Mohd

Yusof Hasan. Otak kiri banyak dikaitkan dengan fungsi akademik yang terdiri daripada kemampuan bercakap, kemampuan untuk menganalisis dan berfikir logik dalam menyelesaikan permasalahan diri atau individu lain.

Sekiranya dikaitkan dengan sahsiah belia, amalan membantu ibu bapa perlulah dipraktikkan dalam kehidupan kerana tanpa ibu bapa, siapalah kita. Kita tidak akan lahir ke dunia tanpa mereka. Rasionalnya Mazni dalam mencari nafkah dan membantu ibunya ini boleh dijadikan contoh teladan kepada golongan belia dalam membangunkan sahsiah diri. Menerusi watak Mazni yang dipaparkan oleh Khadijah Hashim, Mazni terpaksa mengorbankan pelajarannya demi membayai perbelanjaan makan minum serta ubat-ubatan buat ibunya yang tersayang. Buktinya;

“Mak! Maz merasakan apa yang mak rasakan. Maz sedar bagaimana besarnya erti ilmu pengetahuan pada setiap manusia di zaman serba maju ini. Maz faham... Tapi mak, keputusan Maz ini bukanlah bererti Maz sudah berubah sikap, Maz sudah berubah hati, Maz dah tak ada cita-cita tinggi ! Tidak, cita-cita untuk belajar terus tu tetap bersemadi di dada ini”

(Khadijah Hashim, 1968:27)

Selanjutnya, pengkaji turut mendapati bahawa sikap Laila Azwa yang bersikap rasional dalam melaksanakan kerja-kerja rumah seperti membasuh pinggan mangkuk juga adalah menepati konsep pemikiran kesaintifikan yang terkandung dalam Teori SPB4K ini. Menurut Roger Sperry dalam Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2003: 66), otak kiri banyak dikaitkan dengan fungsi akademik yang terdiri daripada kemampuan bercakap, kemampuan berbahasa, membaca tulisan, logik, angka, analisis dan lain-lainnya. Laila Azwa menolong ibunya membuat kerja di dapur dilihat sebagai seorang belia bersikap rasional dan logik dalam memaparkan watak seorang belia yang wajar dicontohi dan ditiru akhlaknya oleh belia yang terdapat di luar sana dalam usaha membangunkan sahsiah belia yang bertanggungjawab menurut perspektif Teori SPB4K ini.

Pengkaji berpandangan bahawa sebagai anak, belia adalah bertanggungjawab berusaha meringankan beban kedua-dua ibu bapa. Sesekali, tidak salah sekiranya dibantu ibu bapa misalnya sewaktu hujung minggu, belia wajar membantu bapa membasuh kereta mahupun membantu ibu di dapur untuk memasak. Begitulah sikap

rasional diri Laila Azwa sebagai anak yang ditonjolkan dalam karya Khadijah Hashim, *Laila Azwa Gadisku* (1986) ini. Buktiya didapati menerusi petikan berikut;

Tangannya lincah mencuci pinggan mangkuk. Lepas itu dia menyediakan meja makan tanpa diarah-arah oleh ibu. Siti Jahara gembira melihat perubahan sikap anak gadisnya-ringan tulang dan cergas bekerja.

(Khadijah Hashim, 1968:27-28)

Rasional dalam Melaksanakan Tugas sebagai Isteri

Pelaksanaan tugas seorang isteri terhadap suami dipaparkan menerusi watak seorang belia bernama Arfa Aida dalam novel Khadijah Hashim, iaitu *Laila Azwa Gadisku* (1986). Arfa Aida merupakan anak pertama dalam keluarga Encik Bakri. Dirinya merupakan kakak sulung kepada Laila Azwa. Arfa Aida yang pada suatu ketika dahulunya digambarkan sebagai seorang gadis yang malas ke dapur untuk memasak namun akhirnya, setelah berkahwin, dirinya dikatakan mengambil inisiatif belajar memasak dalam kelas di persatuan wanita. Belia sebegini perlu diambil sebagai contoh kerana berusaha meningkatkan kemajuan diri demi tanggungjawabnya terhadap keluarga, iaitu terhadap suaminya. Pengkaji mendapati bahawa watak Arfa Aida yang dipaparkan oleh Khadijah Hashim ini turut bersesuaian dengan penerapan Teori SPB4K oleh pengkaji yang terkandung di dalamnya pemikiran kesaintifikian. Arfa Aida merupakan seorang belia yang bersikap rasional dalam menunaikan tanggungjawab kepada suaminya. Bukti petikannya boleh dilihat seperti berikut;

Siti Jahara tersenyum cuma, dia tahu perangai anak gadis yang baru meningkat remaja-mahu lepas dari tanggungjawab rumah tangga. Serta –merta terkenangkan anak sulungnya, Arfah Aida yang malas ke dapur, tetapi apabila sudah bersuami pandai pula pergi belajar memasak di kelas persatuan wanita tanpa disuruh.

(Khadijah Hashim, 1968:23)

Pemikiran Kekreatifan

Menurut Mohd. Yusof Hasan (2004: 43), pemikiran kekreatifan ialah sebuah pemikiran yang tersusun, sistematik dan berdasarkan kepada kaedah saintifik. Pemikiran ini merupakan hasil daripada aktiviti otak, akal atau minda. Saintifik pula bermaksud satu sistem atau susunan dalam proses pemikiran. Menerusi pemikiran ini, terkandungnya teknik-teknik mengenai pemikiran kekreatifan. Seseorang dapat menambah pengetahuan tentang cara memperkembangkan dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Edward de Bono (1967) menyatakan bahawa pemikiran kekreatifan atau pemikiran lateral merupakan proses penggunaan minda untuk berfikiran logik tetapi dengan cara berbeza atau baharu. Pemikiran lurus yang bersifat tradisional dan pemikiran kekreatifan yang mementingkan konsep penggunaan minda haruslah digabungkan demi tujuan pengukuhan.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat aspek pemikiran kekreatifan yang digunakan dalam karya kedua-dua penulis kreatif yang dikaji. Roger Sperry dalam Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2003: 66) mengemukakan dalam Teori Minda (Teori Otak Roger Sperry HOKa/HOKi bahawa hemisfera otak kanan (HOKa) merupakan tempat untuk berkembangnya hal-hal yang bersifat artistik, kreativiti, perasaan, emosi, seni, irama muzik, imaginasi, warna, pengenalan diri dan orang lain, tidak terkecuali juga aspek hubungan sosial dan pengembangan keperibadian.

Dalam konteks pemikiran kekreatifan ini, muzik juga dilihat sebagai salah satu daripada hal yang terangkum di dalamnya. Muzik merupakan satu bidang yang melibatkan pelbagai aspek termasuklah melodi, ritma, corak, prosedur bahasa, pic dan ton. Schopenhauer, seorang ahli falsafah Jerman pada abad ke-19 mengatakan dengan singkat bahawa, “Muzik adalah melodi yang syairnya adalah alam semesta (1992: 13). Pendapat yang dikemukakan oleh Suhastjarja, dosen pensyarah kanan Fakultas Kesenian Institut Seni Indonesia Yogyakarta, lulusan Peabody Institut dari Amerika bahawa “Muzik ialah ungkapan rasa indah manusia dalam bentuk suatu konsep pemikiran yang bulat, dalam wujud nada-nada atau bunyi lainnya yang mengandung ritma dan harmoni, serta mempunyai suatu bentuk dalam ruang waktu yang dikenal oleh diri sendiri dan manusia dalam lingkungan hidupnya, sehingga dapat dimengerti dan dinikmatinya” (1992: 14).

Setelah penelitian dilakukan dalam novel *Laila Azwa Gadisku* (1986) karya Khadijah Hashim, pengkaji berpendapat bahawa

Pemikiran kekreatifan ini jelas dapat dilihat menerusi perwatakan Laila Azwa dan Adnan yang memiliki bakat dan kemahiran dalam bidang muzik, iaitu dalam bermain biola. Hal ini seperti yang diterangkan dalam perenggan sebelum ini, bahawa individu sebegini adalah cenderung dalam menggunakan otak kanan, bersangkut paut dengan hal irama muzik, imaginasi dan bersifat artistik yang dijelaskan oleh Roger Sperry dalam Roger Sperry dalam Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2003: 66). Kebolehan bermain muzik yang dimiliki oleh watak novel ini wajar dijadikan sebagai satu contoh bahawa belia perlu menggunakan kemahiran masing-masing yang telah dikurniakan dan berani menceburkan diri dalam bidang yang dirinya berkebolehan. Hal ini dibuktikan menerusi petikan berikut;

Pulang dari majlis penyampaian hadiah petang itu Laila Azwa terus ke biliknya. Dia meletakkan kotak biolanya di atas meja tulisnya lalu merebahkan diri ke katil. Bulat matanya merenung kotak biola berwarna coklat muda itu sambil tersenyum mengulum. Dia menarik nafas puas. Terbayang di mata bagaimana penonton di dewan sekolahnya tadi terpaku mendengar gesekan biolanya. Masih terdengar-dengar di telinga bagaimana meriahnya tepukan penonton apabila dia selesai membawakan lagu Bunga Tanjung.

(Khadijah Hashim, 1968:1)

Seterusnya, kebolehan Ani Zaini dalam bidang seni persolekan juga boleh diambil sebagai contoh yang dapat dikaitkan dengan pemikiran kekreatifan terkandung dalam Teori SPB4K yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan ini. Ani Zaini merupakan kakak kepada Laila Azwa, yang merupakan anak Encik Bakri yang kedua, berjaya menjadi agen alat solek terkenal. Edward de Bono (1967), menyatakan bahawa pemikiran kekreatifan ini juga merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baru, kesenian, keindahan dan kecantikan.

Maka secara tidak langsung, sikap Ani Zaini yang ditemui pengkaji sebagai individu belia yang menceburい bidang seni rupa ini juga adalah bertepatan dengan ciri pemikiran kekreatifan dalam Teori SPB4K ini. Meskipun Ani Zaini digambarkan sebagai seorang yang tidak begitu cemerlang dalam pelajarannya, namun sikapnya yang aktif dan berbakat dalam bidang seni rupa amat membanggakan sehingga

berjaya menempatkan diri sebagai salah seorang ahli perniagaan yang berjaya. Belia wajar mengambil contoh usaha yang cuba ditampilkan oleh Khadijah Hashim menerusi watak Ani Zaini yang ditonjolkan dalam novel *Laila Azwa Gadisku* (1986) ini untuk memajukan diri ke hadapan, yang mampu membangunkan sahsiah diri mereka. Petikan di bawah merupakan bukti kejayaan Ani Zaini sebagai belia yang terbangun sahsiahnya;

Meskipun tidak lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, namun dirinya menceburi bidang berkaitan bermiaga alat solek. Malah, perniagaannya diberitakan maju dan terkenal.

Encik Bakri tidak menjawab, tetapi serta-merta terbayangkan wajah anak gadisnya yang jadi agen alat-alat solek terkenal. Perniagaannya maju, dan tidak menyusahkannya lagi. Banggakah aku? Soalnya sendiri.

(Khadijah Hashim, 1968:5)

Malah, dalam sebuah lagi peristiwa, digambarkan bahawa Ani Zaini mengelolakan pertunjukan fesyen yang dipercayai pengkaji bahawa turut memiliki perkaitannya dengan pemikiran kekreatifan berlandaskan Teori SPB4K yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan yang diterapkan oleh pengkaji dalam kajian ini malah, Ani Zaini menggunakan bakat dan kebolehan adiknya dalam bermain biola untuk mengiringi pertunjukan fesyen yang dikendalikan. Buktinya;

“Lagu itulah yang akan mengiringi pertunjukan fesyen pakaian tradisional yang kakak kelolakan nanti,” jelasnya.

((Khadijah Hashim, 1968:64)

“Ayah, emak mesti datang. Ani yang jadi juruacaranya, Laila akan menggesek biola mengiringi pertunjukan itu,” jelasnya riang sambil melihat riaksi si ayah yang membisu sejak tadi.

((Khadijah Hashim, 1968:64)

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, setelah dikaji, diteliti serta ditelusuri aspek pemikiran penulis kreatif dalam dua novel terpilih hasil karya Khadijah Hashim dengan penerapan Teori SPB4K yang digagaskan oleh Mohd. Yusof Hasan ini, pengkaji mendapati bahawa keempat-empat pemikiran yang mana mewakili pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan yang diterapkan dalam kajian ini, iaitu menerusi watak-watak belia yang dibangunkan dalam karya boleh dijadikan contoh dan tauladan kepada belia masa kini. Hal ini didapati bersesuaian dalam membangunkan sahsiah belia mengikut situasi, kondisi serta sifat watak belia yang tertentu agar bertepatan dengan Teori SPB4K yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Hal ini adalah berfaktor atau bertitik tolak daripada pemikiran penulis kreatif dalam karya mereka, mendorong timbulnya kepelbagaian sikap watak belia yang cenderung membangkitkan atau mewujudkan peristiwa-peristiwa ke arah empat pemikiran yang terkandung dalam Teori SPB4K. Hal ini secara tidak langsung memudahkan pengkaji untuk mengkaji kepelbagaian sifat watak-watak dalam karya penulis kreatif dan mengaitkannya dengan aspek membangunkan sahsiah belia itu sendiri dengan berlandaskan Teori SPB4K.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Mohd. Aroff. (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Al-Quran Darul Iman. (2007). *Al-Quran Terjemahan: Resm Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman
- Ani Hj. Omar. (2012). *Esei dan Kritikan Kesusastraan Melayu Alaf Baharu*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Mentari.

- Aziah Tajudin dan Mohd. Fadzli Tajuid (2013). *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Copi, Irving M. (1986). *Introduction to Logic*. London: Mac Millan.
- Crow & Crow. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Penguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- de Bono Edward .(1967). *Serious Creativity*. New York: Harper Business.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008). *Apa Itu Islam?: Menerangkan Islam Secara Mudah dan Lengkap*. Selangor: PTS Islamika.
- Gardner Howard. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. London: Heinemann.
- Hashim Ismail. (2003). *Pemikiran Kaum Muda di dalam Novel-novel Melayu sebelum Perang Dunia Kedua*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar *et al.* 2012. Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* (9) 191-214).
- Junaidi Awang Besar. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Hashim. (1968). *Badai Semalam*. Johor Bahru: Penerbitan Penamas.
- Khadijah Hashim. (1986). *Laila Azwa Gadisku*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Koh Young Hun. (1993). *Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Masrizayu Mustafa. (2006). *Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Gunawan Che Ab Aziz. (2003). *Solat: Kejayaan Hakiki*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Ismail Mustari. (2007). *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hasan. (2000). *Pemikiran Saintifik SPB4L*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hasan. (2004). *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Yusof Hasan. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan. (2003). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Emi Nurshafiera Mohd Safain. (2013). *Penulisan Kreatif Dapat Menjana Minda dan Pendapatan Masyarakat*. Tesis Sarjana Muda, Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Khariah Mohd Zubir (2008). *Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Khariah Mohd Zubir (2012). Penulisan Kreatif dalam Menjana Minda dan Sumber Pendapatan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies* (7) 157-167.

- Syaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Wan Roslili Abdul Majid. (2001). *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Willis Hulon. (1975). Logic, Language and Composition. Cambridge: Withrop Publisher.
- Yunus Hanis Syam. (2009). *Sabar dan Syukur Bikin Hidup Lebih Bahagia*. Demangan, Yogyakarta: Penerbit Mutiara Media.
- <http://aburazeen.blogspot.com/2009/09/pembentukan-akhlak-dan-sahsiah-remaja.html> diperoleh pada 19 Mei 2014.
- <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/penjelasan-ringkas-seminar-pemikiran-kassim-ahmad-suatu-penilaian-nik-abdul> diperoleh pada 19 Mei 2014.

